

Isu jam: Wanita Umno nafi terbabit

BH 20 FEB 2000

Oleh SARIHA MOHD ALI

KUANTAN: Pergerakan Wanita Umno mengesahkan tidak ada pemimpin kanannya yang terbabit dalam penempahan khas 300 jam tangan berjenama terkenal dari Switzerland bernilai RM12 juta yang dikatakan untuk dijual kepada pemimpin Umno dan tokoh usahawan.

Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata siasatan yang dijalankan mendapati ada pihak tertentu menyalahgunakan nama pemimpin kanan pergerakan itu ketika berurusan dengan syarikat pengeluaran jam terbabit.

Beliau berkata pemim-

pin kanan Pergerakan Wanita yang dikatakan terbabit dalam kes itu, sudah membuat laporan polis.

Oleh itu, katanya, Wanita Umno tidak terbabit dalam kes berkenaan, sebaliknya syarikat pengeluaran jam itu perlu membuat urusan lanjut dengan pihak yang terbabit dalam mempromosikan penjualan jam itu kerana memperdayakan mereka.

Beliau juga meminta syarikat pengeluaran jam terkenal itu membuat penjelasan berhubung perkara berkenaan bagi menghilangkan kekeliruan kononnya Wanita Umno terbabit dalam kes itu.

"Kita sudah menyerahkan laporan kepada polis

berhubung isu jam berjenama terkenal yang kononnya ditempah khas atas sokongan seorang pemimpin kanan Pergerakan Wanita Umno untuk dijual kepada pemimpin Umno dan tokoh usahawan.

"Sebenarnya, Wanita Umno tidak terbabit dalam kes itu, malah nama pemimpin Wanita berkenaan disalahgunakan pihak tertentu, dan mangsa sudah membuat laporan polis.

"Sekarang, terpulang kepada syarikat pengeluaran jam itu untuk berurusan dengan polis dan mengambil tindakan lanjut terhadap pihak yang terbabit memperdayakan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Umno cawangan Rancangan Rumah Murah (RRM) Permatang Badak, di sini semalam.

Berita Harian pada 28 Januari lalu, melaporkan sebuah syarikat pengeluaran jam berpusat di Switzerland dikatakan menuntut sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), memudahkan kira-kira 300 jam tangan yang ditempah khas selepas gagal menjelaskan bayaran RM12 juta.

Jam tangan berjenama terkenal yang tertera gambar dan tandatangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dikatakan ditempah khas pada harga

RM40,000 setiap satu.

Tempahan jam itu dikatakan tidak memerlukan wang pendahuluan kerana NGO berkenaan menggunakan surat sokongan seorang pemimpin kanan Pergerakan Wanita Umno, yang kononnya sudah mendapat persetujuan Dr Mahathir untuk melancarkan jam itu.

Siti Zaharah berkata, pihaknya difahamkan syarikat pengeluaran jam itu sedang membuat semakan dengan pihak berurusan dengan mereka berhubung tempahan jam itu.

Katanya, perkara itu akan diselesaikan oleh semua pihak berkenaan tanpa membabitkan Wanita Umno.